

# Jonathan mahu tamatkan kemarau pingat

BERITA HARIAN 24/3/2018 p. 91

**Kuala Lumpur:** Penembak negara, Jonathan Wong Guanjie menegaskan tidak banyak yang dapat dilakukannya selain hanya memperbaiki beberapa kelemahan kecil ketika Sukan Komanwel Gold Coast 2018 kini hanya berbaki kurang daripada dua minggu.

Tanpa mempedulikan tekanan yang kian memuncak ke atasnya berikutan muncul satu-satunya penembak negara disenarai dalam Program Podium, Jonathan jelas tampak tenang untuk berdepan pencabar hebat lain terutama dari India.

Malah, dia yang akan membuat penampilan kedua di temasya kedua terbesar dunia itu selepas pulang tanpa pingat pada edisi 2014 Glasgow, menjelaskan dengan kelancaran program latihannya kali ini tidak mustahil kemarau itu mampu ditamatkan.

Setakat ini program latihan berjalan baik dengan fokus saya untuk seminggu terakhir di sini lebih kepada memperbaiki kemahiran menembak selepas banyak menghabiskan masa meningkatkan kekuatan dan ketahanan sebelum ini.

“Jika dibandingkan dengan temasya sebelumnya saya lebih berpenga-

laman kali ini, jadi saya berharap untuk meraih pingat tanpa mengira warna terutamanya dalam acara kegemaran 10 meter air pistol.

## Pencabar utama

“Pencabar utama mungkin datangnya dari India yang begitu dikenali sebagai negara kuasa besar sukan menembak,” katanya pada sidang media di Institut Sukan Negara (ISN), semalam.

Pada temasya empat tahun lalu, Jonathan, 26, sekadar mengakhiri saingan di tempat ketujuh dalam acara 10m air pistol dengan 569 mata sementara pingat emas dimenangi P Nanjappa dari India yang membidik 580 mata.

Bagaimanapun, jika mampu mengulangi rekod peribadi terbaik 585 mata yang dilakukan pada 2016 tidak mustahil untuk pemenang pingat emas 10m air pistol Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 (KL2017) itu mencipta kejutan di Pusat Menembak Belmont nanti.

Di Gold Coast, Jonathan turut akan menggalas cabaran dalam acara 50m pistol lelaki dengan kontinjen menembak Malaysia sekurang-kurangnya perlu mengatasi pencapaian satu pingat gangsa pada edisi lalu.



**Fokus Jonathan untuk memperbaiki kemahiran menembak.**